



UCAPAN

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang
Haji Ali bin Haji Apong**
Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Sempena:
Majlis Doa Kesyukuran Ke-10 Tahun
Projek Ladang Padi Kemasyarakatan MPM dan Projek Ladang Padi MPK-MPK Di
Bawah Mukim Pengkalan Batu 2005-2015

Pada:
**Hari Ahad, 17hb. Safar 1437/
29hb. November 2015**

Bertempat:
Dewan Kemasyarakatan Mukim Pengkalan Batu, Taman Rekreasi Kampong Parit

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji dan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam, keluarga serta sahabat-sahabat dan juga pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Yang Mulia Awang Haji Tahir bin Haji Tarip, Penghulu Mukim Pengkalan Batu, selaku Pengerusi Jawatankuasa Majlis;

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, Ahli Mesyuarat Negara;

Yang Mulia, Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan;

Yang Mulia, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan;

Yang Mulia, Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;

Yang Mulia Awang Mislee bin Haji Abdul Karim, Pemangku Pegawai Daerah Brunei Muara;

Penghulu-Penghulu & Ketua Ketua Kampong; Ahli-Ahli Pengusaha Ladang Padi Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampong, Mukim Pengkalan Batu; Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan serta para hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya jua, kita semua dapat berkumpul beramai-ramai di Majlis Doa Kesyukuran Ke-10 tahun Projek Ladang Padi Kemasyarakatan MPM dan Projek Ladang Padi MPK-MPK di bawah Mukim Pengkalan Batu, pada malam ini.

1. Sebelum saya memulakan ucapan ringkas saya pada malam ini, terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Majlis di atas kesudian untuk mengundang saya hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis pada malam ini.

2. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Ahli-Ahli Pengusaha Ladang Padi Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampong (MPK) Mukim Pengkalan Batu, di atas pencapaian yang telah dicapai selama ini dalam aktiviti-aktiviti perladangan padi di Mukim Pengkalan Batu ini.

3. Pada malam ini, saya tidak akan bercakap dengan panjang lebar, tetapi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan beberapa penekanan yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak yang berkenaan, khususnya yang berkaitan dengan usaha-usaha ke arah meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi Negara, bukan sahaja dalam kegiatan perladangan padi tetapi juga merangkumi kegiatan-kegiatan pertanian yang lainnya.

4. Apa yang saya ingin sampaikan dan kongsi pada malam ini adalah mengenai dengan keperluan untuk kita mengubah pendekatan. Dalam konteks ini, apa yang saya ingin sampaikan dan tekankan adalah keperluan untuk para peladang mengubah minda dimana fokus usaha adalah untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil ladang masing-masing, bukan hanya setakat untuk mencapai sasaran bagi memenuhi tahap sara diri dan keperluan domestik sahaja, malahan lebih dari itu, iaitu untuk meningkatkan produktiviti bagi memastikan sektor pertanian memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada usaha kearah menjana pertumbuhan ekonomi Negara.

5. Jumlah dan nilai pengeluaran sektor sumber-sumber utama secara amnya, termasuk sektor pertanian khususnya, perlu ditingkatkan pada kadar pertumbuhan yang lebih cepat untuk tujuan mempelbagaikan ekonomi dan eksport, kerana hanya melalui peningkatan pengeluaran dan eksport sahaja sektor ini akan mampu menyumbang secara signifikan dan memberikan impak yang positif kepada pertumbuhan ekonomi Negara.

6. Keadaan fizikal Negara dengan keluasan tanah yang terhad dan bilangan penduduk yang kecil, tidak sepatutnya menjadi alasan mengapa jumlah dan nilai pengeluaran sektor sumber-sumber utama dan sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar tidak dapat ditingkatkan. Sais pasaran sebenarnya adalah lebih luas, bukan sahaja bergantung kepada pasaran dalam negeri, malahan merangkumi pasaran serantau dan antarabangsa.

7. Apa yang saya sampaikan ini mungkin nampak amat sukar untuk dicapai, tetapi percayalah, jika kita semua komited untuk sama-sama berusaha kearah memajukan sektor pertanian ini khasnya, dan sektor sumber-sumber utama umumnya, sasaran untuk

meningkatkan produktiviti ini adalah tidak mustahil untuk dicapai melalui penggunaan teknologi-teknologi moden dan canggih serta pemilihan benih yang terbaik, sepertimana jua yang telah dicapai oleh negara-negara yang sudah maju dalam sektor sumber-sumber utama ini. Selain dari itu juga, kerjasama dan penglibatan pelaburan asing langsung (FDI) adalah sangat penting untuk membantu kita dalam sama-sama memajukan sektor pertanian ini, khususnya dalam mendatangkan teknologi-teknologi dan juga kepakaran-kepakaran yang bersesuaian.

8. Dalam hubungan ini, saya menyeru agar semua para peladang dan pengusaha yang berkenaan, supaya akan dapat berfikiran lebih terbuka, kreatif dan inovatif, dalam usaha untuk sama-sama memajukan sektor pertanian di Negara Brunei Darussalam ini. Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, akan terus memberikan khidmat nasihat dan bantuan-bantuan teknikal yang bersesuaian bagi sama-sama membantu para peladang meningkatkan produktiviti ladang masing-masing, samada yang telah lama berkecimpung atau yang baru ingin berkecimpung dalam bidang pertanian ini.

9. Sebelum mengakhiri ucapan ringkas saya pada malam ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis pada malam ini di atas kesudian mengundang saya sebagai Tetamu Kehormat Majlis.

10. Saya berdoa semoga produktiviti dan hasil pengeluaran projek ladang padi yang dilaksanakan oleh Ahli-Ahli Pengusaha Ladang Padi MPM dan MPK di bawah Mukim Pengkalan Batu ini akan terus meningkat, berkembang dan mendatangkan hasil yang berlipat ganda dimasa-masa akan datang, Amiin.

Sekian, Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.